



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
RASULULLAH SAW;
ANTARA LISAN DAN
TINDAKAN



ISLAMIC SALVAGEUR OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"RASULULLAH SAW; ANTARA LISAN DAN TINDAKAN".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٢﴾ كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٤﴾</p>	4
<p>Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya, semoga kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Khatib ingin mengajak para jemaah sekalian untuk sama-sama menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "RASULULLAH SAW; ANTARA LISAN DAN TINDAKAN".</p>	6



Rasulullah SAW mendidik umatnya dengan sikap dan akhlak yang mulia. Apa yang baginda katakan melalui lisannya, adalah apa yang baginda laksanakan. Seluruh kandungan al-Quran ada pada diri baginda sebagai amal perbuatan. Tidak ada yang baginda mengatakannya, melainkan bagindalah orang yang melakukannya. Begitu juga tidak ada yang baginda larang melainkan bagindalah orang yang meninggalkannya. Ketika ditanya bagaimanakah akhlak baginda, A'isyah Radiallahuanha menjawab; *"Adalah akhlak baginda Al Quran"*.

7

Seorang yang beriman hendaklah melakukan dahulu apa yang hendak diajarkan sebelum diajarkan kepada orang lain.

Firman Allah SWT dalam surah al-Saff ayat 2-3 yang menjadi mukaddimah khutbah ini bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya! Amat besar kemurkaan di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya."

8

Melalui mafhum ayat ini, Allah SWT mengingatkan kaum muslimin agar berhati-hati terhadap kekurangan yang ada pada mereka, iaitu seorang muslim itu boleh menjadi seorang yang mengatakan suatu perkataan, tetapi tidak pula mengerjakannya. Antaranya, mereka berkata, "Kami ingin mengerjakan kebajikan-kebajikan yang diperintahkan Allah," tetapi ketika datang perintah itu, mereka tidak mengerjakannya.

9



<p>Terdapat dua faktor kelemahan manusia yang dapat difahami daripada ayat ini, iaitu:</p> <p>Pertama: Manusia yang melakukan sesuatu yang bertembung antara perkataan dan perbuatan. Kelemahan ini kelihatannya mudah diperbaiki, tetapi sukar dilaksanakan. Banyak situasi berlaku, sesuatu yang baik itu diperkatakan dan mengingatkan agar orang lain menjauhi larangan-larangan Allah SWT, tetapi yang mempercakapannya sendiri tidak melaksanakan atau meninggalkannya.</p>	10
<p>Kedua: Manusia yang tidak menepati lisan atau janjinya. Menunaikan janji adalah antara perkara ditentukan oleh Islam bagi orang yang beriman untuk menunaikannya. Jika seseorang yang mengaku beriman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, dengan sengaja tidak menunaikan janji-janjinya, perbuatan itu boleh membawa kepada wujudnya sifat munafik dalam diri seseorang.</p>	11
<p>Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ: إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا أُؤْتِمِنَ خَانَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ</p>	12
<p>"Tanda orang munafik itu ada tiga: bila berkata ia berdusta, bila diberi amanah dia mengkhianatinya dan bila berjanji ia menyalahi janjinya." <i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	13



Sikap dan akhlak Rasulullah SAW dicontohi dan diikuti oleh para sahabat kerana wahyu dari Allah SWT yang selaras pelaksanaannya dengan lisan dan perbuatan baginda. Keadaan ini telah melahirkan kepercayaan dan keyakinan yang tinggi para sahabat terhadap apa yang dibawa oleh baginda SAW. Maka, mereka berlumba-lumba untuk mencontohi Rasulullah SAW dalam apa jua perkara yang baginda lakukan. Setiap ketetapan Allah SWT yang disampaikan dengan lisan Rasulullah SAW dan diamalkan akan mencipta contoh teladan kepada para sahabat kerana lisan dan amal Rasulullah SAW itu sentiasa bersatu dalam tindakan, perbuatan dan akhlak baginda. Dicontohi dan dirujuk dari watak baginda sebagai seorang manusia biasa, sebagai ketua keluarga, sebagai ketua bala tentera sehingga kepada watak sebagai seorang ketua negara.

14

Itulah hasil didikan yang menerapkan bersatunya lisan, sikap dan akhlak yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Dengan sebatinya lisan dan perbuatan, sesungguhnya ia berupaya membeli dan memujuk hati-hati manusia dan menyatukannya dalam satu saf yang kuat. Firman Allah SWT dalam surah Al-Anfal ayat 63 bermaksud:

15

"Kalaulah engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara (hati) mereka.."



Rasulullah SAW telah menyatukan umat Islam untuk mencapai sebuah kejayaan di dunia dan di akhirat dengan rahmat acuan baginda. Antara akhlak baginda yang disebut dalam al-Quran ialah pertamanya bersifat pemaaf, mengajak kepada makruf dan berpaling daripada orang-orang yang jahil dengan menahan marah dan memaafkan kesalahan orang lain, kedua berlaku adil dalam membuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat, melarang perbuatan keji, kemungkar dan permusuhan. Ketiga menginfak harta sama ada ketika lapang dan selesa mahu pun dalam kepayahan yang menekan. Keempat jauhi buruk sangka, kelima menolak kejahatan dengan cara yang terbaik dan keenam berakhlak mulia dan berbudi pekerti yang agung.

16

Dengan akhlak yang demikian, orang kafir, musuh dan lawan pun jatuh hati dan akhirnya menerima Islam sebagai cara hidup mereka. Sekalipun baginda adalah utusan Allah SWT, baginda tidak pernah menyombongkan diri. Baginda tidak memilih kawan, tidak mengasingkan diri dari para sahabat dan persekitarannya. Baginda juga sangat merendah diri dan bergaul rapat, menyantuni sesama hamba dan makhluk lainnya.

17

Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 128 bermaksud:

"Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad SAW), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman."

18



Kehidupan Rasulullah SAW sangat sederhana. Baginda memilih rumah yang layaknya setaraf seorang hamba, kecil, sempit, berbumbung rendah, dibuat dari tanah dan pintunya dari kain guni. Tempat tidur baginda cumalah anyaman tikar daun kurma sahaja, bila bangun berbekas daun tamar di belakang tubuh baginda. Baginda selalu menahan lapar, baginda makan hanya bila lapar, dan berhenti sebelum kenyang. Baginda tidak membazir makanan, jika makanan berlebihan baginda memberi kepada jiran tetangga. Ini kerana baginda tidak menyimpan makanan. Hidup baginda bagaikan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Pakaian baginda jenis pakaian orang susah. Baginda asalnya kaya kerana harta Saidatina Khadijah diserahkan kepada baginda, tetapi baginda infakkan untuk Islam, sehingga ketika wafatnya Rasulullah SAW, tidak sedikitpun harta dan wang ditinggalkan.

19

Rahsia kejayaan Rasulullah SAW adalah, telah berjaya mendidik para sahabat dengan lisan yang dilaras dengan perbuatannya secara spontan. Baginda mendidik Khulafa al-Rasyidin dan kemudian diturunkan kepada Salafus Solih, sehingga kepada umat Islam seluruhnya pada hari ini yang menjadikan perbuatan dan akhlak baginda sebagai asas dan prinsip dalam kehidupan peribadi, berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara yang diredai dan dirahmati oleh Allah SWT.

20



Antara didikan Rasulullah SAW adalah pelaksanaan sifat zuhud baginda, ketika dua pertiga dunia telah berada dalam gengaman sahabat dan tabiin, sifat zuhud yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW telah mengekalkan sikap pemegang kuasa untuk tetap zuhud dengan dunia. Dengan sebab itulah mereka dapat memerintah dunia dengan berjaya dan mencipta tamadun Islam yang unggul tiada tolok bandingnya. Apabila Rasulullah SAW mendidik mereka untuk sanggup hidup miskin, kekayaan yang mereka miliki mereka korbakan untuk kepentingan masyarakat, maka melimpahlah kekayaan, makmur dan berbahagia rakyat dalam sesebuah negara Islam. Biarpun tamadun gemilang Islam akhirnya hancur kerana bersilih gantinya pemerintahan yang semakin meninggalkan sifat zuhud yang diajarkan oleh baginda Rasulullah SAW.

21

Marilah kita semua, sempena sambutan Maulidur Rasul 1445H ini, bertekad dan berusaha untuk mencontohi peribadi baginda Rasulullah SAW. Pada diri bagindalah sisi yang paling tepat dan benar sebuah kehidupan berlandaskan syariat perlu diteladani dan dilaksanakan oleh pelbagai lapisan umat Islam di semua keadaan, masa dan tempat. Marilah kita seimbangkan antara tuntutan kehidupan akhirat dan dunia yang sementara ini dengan cara yang diamalkan oleh Rasulullah SAW.

22

Pengajaran daripada khutbah ini ialah:

1. Umat Islam hendaklah menghindari segala sikap, perbuatan dan kata-kata yang boleh mengundang kemurkaan Allah SWT.
2. Umat Islam yang meninggalkan ajaran Rasulullah SAW akan ditimpa fitnah di dunia dan diazab di akhirat.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa mencontohi keperibadian Rasulullah SAW untuk menampilkan kehidupan sebuah masyarakat dan negara yang dituntut oleh Islam.

23



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾</p>	24
<p><i>“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”</i></p> <p>(al-Ahzab : 21).</p>	25
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	26
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	27



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،</p>	1
<p>وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.</p>	4
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾</p>	5
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	7
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.</p>	8
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	9



جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ اِيْمِ الْعَوْنِ وَالْهَدَايَةِ وَالتَّوْفِيقِ، وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكُّوْا اَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.	17



<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢١﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22